

## **ABSTRAK**

### **KEBERKESANAN PINJAMAN TABUNG MODAL PUSINGAN (TMP-JPK) TERHADAP KOPERASI KREDIT**

Oleh

**ROZIAH MOHAMED, NORBIHA KOSMURI, NORSYEIRAWANI SHARI,  
AFIZAH ABD. JALAL, RINA FAIRUZ JAHYA**

**Disember 2015**

**Maktab Koperasi Malaysia**

Tabung Modal Pusingan (TMP-JPK) yang disediakan oleh SKM kepada koperasi merupakan kemudahan kewangan bagi membantu koperasi untuk mengembangkan aktiviti sedia ada. Kajian perbandingan prestasi koperasi telah dijalankan ke atas 55 koperasi kredit yang mendapat pinjaman TMP-JPK dari tahun 2011-2014. Pinjaman TMP-JPK memberi kesan positif terhadap prestasi koperasi yang diukur dari segi pendapatan, jumlah aset, bilangan anggota, modal yuran dan modal syer. Dari perspektif anggota pula, dengan adanya kemudahan pinjaman yang diberikan oleh TMP-JPK kepada koperasi, anggota mendapat manfaat daripada pinjaman tersebut dari segi jumlah pinjaman yang meningkat, tempoh memproses menjadi singkat dan pertambahan dividen yang dibayar kepada anggota. Borang soal selidik digunakan untuk mengumpul data tentang keberkesanan prestasi pinjaman yang diperoleh daripada perspektif kewangan dan bukan kewangan. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan koperasi yang meminjam TMP-JPK merupakan koperasi yang telah lama ditubuhkan iaitu melebihi 30 tahun. Prestasi koperasi dinilai berdasarkan median kadar pertumbuhan tahunan bilangan anggota, jumlah pendapatan, jumlah aset, modal yuran dan syer bagi tempoh 2011-2014. Koperasi tidak perlu menunggu lama untuk mendapat pinjaman TMP-JPK kerana pengalaman koperasi menyediakan kertas kerja pinjaman pertama membantu dalam melicinkan proses permohonan.

***Kata kunci: Tabung Modal Pusingan, Prestasi, Instrumen kajian***